

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 JULAI 2020
AKHBAR : MALAYSIA GAZETTE
MUKA SURAT :-



Tanda pemulihan ekonomi dijangka boleh dilihat pada suku keempat – Mustapa

By Wartawan MalaysiaGazette



Mustapa Mohamed

PUTRAJAYA – Tanda-tanda pemulihan ekonomi negara dijangka dapat dilihat pada suku keempat pada tahun ini walaupun ia sesuatu yang sukar diramalkan berikutan penularan wabak Covid-19 yang memberi kesan terhadap semua industri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, ekonomi pada suku kedua dijangka mencatatkan pertumbuhan negatif dan ia akan diketahui dalam masa dua minggu lagi manakala Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku pertama adalah 0.7 peratus.

“(Pertumbuhan ekonomi) suku ketiga dan keempat boleh diperdebatkan dan sukar diramalkan, dinamik. Kami percaya terdapat beberapa pemulihan pada suku keempat,” katanya sambil menambah tahun depan akan terus menunjukkan pemulihan.

Beliau menyatakan demikian pada sesi soal jawab majlis Perjumpaan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Bersama Ketua Pengarang Media malam tadi.

Sumber :

<https://malaysiagazette.com/2020/07/01/tanda-pemulihan-ekonomi-dijangka-boleh-dilihat-pada-suku-keempat-mustapa/>